

HEBAHAN PPQ BIL. 26/2023 (201): HEBAHAN TEMPLAT STANDARD DOKUMEN KERTAS CADANGAN (KC) UNTUK PERMOHONAN PROGRAM AKADEMIK BAHARU/ SEMAKAN KURIKULUM DI JABATAN PENDIDIKAN TINGGI (JPT)

1 message

Pusat Pengurusan Kualiti Universiti <ppq@umk.edu.my>

26 November 2023 at 12:28

To: Info Rasmi Universiti Malaysia Kelantan <rasmi@groups.umk.edu.my>

Cc: "Prof. Dato' Dr. Razli Bin Che Razak" <razlicr@umk.edu.my>, "Prof. Dato' Dr. Nik Maheeran Binti Nik Muhammad" <nikmaheeran@umk.edu.my>, "Dr. Hasnita Binti Che Harun" <hasnita@umk.edu.my>, Pusat Pengurusan Kualiti <ppq@groups.umk.edu.my>



UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
BACHOK 16300
KELANTAN

Assalamualaikum w.b.t dan Selamat Sejahtera.

YBhg. Prof. Dato' / Prof. / Prof. Madya / Dr./ Tuan / Puan,

HEBAHAN PPQ BIL. 26/2023 (201): HEBAHAN TEMPLAT STANDARD DOKUMEN KERTAS CADANGAN (KC) UNTUK PERMOHONAN PROGRAM AKADEMIK BAHARU/ SEMAKAN KURIKULUM DI JABATAN PENDIDIKAN TINGGI (JPT)

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa pihak Pusat Pengurusan Kualiti Universiti (PPQ) bersama Pusat Tanggungjawab (PTj) yang terlibat telah membangunkan Templat Standard KC untuk Permohonan Program Akademik Baharu/ Semakan Kurikulum bagi menyeragamkan maklumat umum di peringkat universiti sekaligus dapat membantu pihak entiti akademik menyediakan dokumen KC bagi permohonan seperti berikut:

1. Kertas Cadangan Permohonan Program Akademik Baharu untuk Mesyuarat Saringan Awal (MSA);
2. Kertas Cadangan Permohonan Program Akademik Baharu untuk Mesyuarat Jawatankuasa Pendidikan Tinggi (JKPT); dan
3. Kertas Cadangan Permohonan Semakan Kurikulum untuk Mesyuarat Jawatankuasa Pendidikan Tinggi (JKPT).

3. Bersama-sama ini dimajukan pautan google drive Templat Standard KC untuk rujukan pihak berkepentingan bagi membangunkan program akademik di UMK.

Pautan Google Drive: <https://drive.google.com/drive/folders/1BhQV5ohdNz2lj0xDuKAvgUQhIzGTh2e?usp=sharing>

4. Untuk makluman juga, sekiranya terdapat penambahbaikan jawapan ataupun lampiran, pihak PPQ akan mengemaskini maklumat dari semasa ke semasa di pautan tersebut.

Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini bolehlah berhubung dengan YBrs. Prof. Madya Dr. Noorul Azwin binti Md Nasir (Timbalan Pengarah Jaminan Kualiti Akademik); 011-1232 2342, YBrs. Dr. Nor Diyana binti Mustapa (Ketua Bahagian Jaminan Kualiti Akademik); 011-1087 4500, Puan Rosazura binti Safian (Penolong Pendaftar); 09 - 779 7533 dan Puan Nur Hafiza binti Tengku Mohd Zahid (Penolong Pegawai Tadbir); 09 - 779 7536. Segala perhatian dan kerjasama yang diberikan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"ISLAM MEMIMPIN, RAJA MENAUNGI, NEGERI BERKAT"
"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

NUR HAFIZA BINTI TENGKU MOHD ZAHID
b.p Pengarah
Pusat Pengurusan Kualiti Universiti (PPQ)
Pejabat Naib Canselor
Universiti Malaysia Kelantan
16300 | Bachok, Kelantan | Malaysia
Tel: 09 - 779 7530 |
Email: ppq@umk.edu.my